

28 APR 1997

SEBUAH SYARIKAT LAGI MUNCUL CEMERLANG DI BSKL

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Sebuah lagi syarikat, Computer Systems Advisers (M) Bhd, mencapai prestasi cemerlang pada kemunculan pertamanya di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hari ini.

Harga tawaran awalnya sebanyak RM2.80 sesaham di papan kedua melonjak kepada tahap tertinggi RM9.95 sebelum ditutup pada RM7.85.

Syarikat yang terbabit dalam penyepaduan sistem, perkhidmatan perisian dan teknologi maklumat ini, membuat tawaran awam hanya sejumlah 5.985 juta saham.

Tiada siapapun dapat menjelaskan kenapa saham ini meraih premium yang begitu tinggi tetapi adalah menarik diperhatikan bahawa sejumlah 5.361 juta sahamnya telah diniagakan hari ini, dan ini mungkin bererti bahawa hanya sebilangan kecil sahamnya yang ditawarkan kepada orang ramai dalam pengapungan itu diniagakan.

Terdapat banyak komen tentang "spekulasi yang berlebihan" mengenai saham-saham yang disenaraikan di BSKL apabila harganya meningkat mendadak dalam masa yang singkat, terutama penyenaaran baru seperti CSA hari ini.

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mengulas pada satu majlis jamuan malam yang dihadiri oleh masyarakat industri sekuriti bahawa beliau tidak nampak sebarang sebab harga pembukaan terbitan saham baru meningkat empat atau lima kali daripada harga tawaran.

Sebab-sebab peningkatan mendadak harga saham telah berkali-kali diberikan oleh penganalisis, termasuk pengerusi eksekutif BSKL Datuk Nik Mohd Din Nik Yusoff, yang mengatakan ia berpunca daripada manipulasi dan spekulasi yang berlebihan.

Sehari selepas Datuk Seri Mahathir mengulas demikian, Nik Din menjelaskan bahawa tidak mudah menangkap orang atau sindiket yang memanipulasi kaunter-kaunter terlibat.

Sindiket-sindiket yang terlibat juga biasanya dikaitkan dengan kegiatan urus niaga dalaman, tambah beliau.

Sebilangan pemerhati pasaran yakin bahawa dalam beberapa penyenaaran baru, harga-harga saham yang muncul pertama kali didorong peningkatannya oleh penganjurannya, yang merupakan pengarah-pengarahnya dan pengusaha-pengusaha bank saudagar yang menjadi penasihat kepada syarikat-syarikat berkenaan berhubung pengapungan awam, bagi meningkatkan imej syarikat yang akan disenaraikan itu.

Nik Din berkata jika BSKL merasa yakin bahawa pergerakan saham itu adalah disebabkan oleh permainan sindiket, ia akan membuat penyiasatan.

BSKL juga diketahui mempunyai satu rumusan yang digunakan bagi meletakkan sesebuah kaunter di bawah pengawasan apabila harganya mencapai suatu tahap tertentu.

Apabila sesebuah kaunter itu diletakkan di bawah perhatian, pada kebanyakan masa, hanya dagangan tunai dibenarkan.

Juga dipercayai bahawa mereka yang terlibat dalam manipulasi ini ialah pelabur yang bermodal besar kerana membeli beberapa juta saham bernilai RM10 setiap satu memerlukan wang yang banyak. -- BERNAMA

JR KY/sia